

07/05/2002

Sokongan keluarga jana sukan pemotoran negara

Zairee Zahir

KEJAYAAN Malaysia yang mula melahirkan beberapa pemandu muda dalam sukan bermotor di peringkat antarabangsa bukan satu kebetulan biarpun Litar F1 Sepang yang menjadi daya ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memulakan pembinaannya pada 1997.

Sebaliknya, ia sudah dirancang lebih awal oleh ibu bapa masing-masing selepas melihat bakat anak mereka dan menyedari impak besar yang mampu diberikan sukan bertaraf dunia itu.

Kerana minat mendalam dan impian melihat anak tempatan bersaing di pentas tertinggi, ada ibu bapa mengambil inisiatif awal untuk membimbing dan menyokong pembabitan anak-anak dengan harapan mereka mampu berdiri sama tinggi dengan pemandu Formula Satu handalan dunia.

Masa, tenaga dan wang ringgit yang bukan sedikit dicurahkan untuk melihat anak mereka berjaya biarpun terpaksa bergolok gadai untuk mencari sumber kewangan sendiri bagi menampung perbelanjaan tinggi dalam sukan itu.

Usaha keras kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga membuka pintu kepada ramai pemandu muda negara mengembangkan bakat dalam pelbagai kejuaraan peringkat dunia.

Nama Alex Yoong yang kini menjadi pemandu pasukan F1, KL Minardi Asiatech sebenarnya sudah disebut-sebut sejak 1991 ketika Malaysia belum bermimpi untuk menjadi kuasa sukan bermotor Asia.

Bapanya, Hanifah Yoong Abdullah adalah individu yang sentiasa bertungkus lumus memastikan anaknya itu bersaing di peringkat tertinggi. Selepas mengukir nama dalam beberapa perlumbaan tempatan, Alex beralih ke Kejuaraan British yang menjadi sekolah ramai pemandu F1 ketika ini.

Semasa berlumba di F3 British bersama pasukan Alan Docking, Alex juga bersaing dalam Kejuaraan F3000 Itali dan F3 Eropah, sebelum beralih ke Formula Nippon di Jepun selama dua musim sebelum mengukir sejarah menjadi pemandu pertama Malaysia dan bukan Jepun di Asia, menjadi pemandu F1.

Jika ditanya kepada Hanifah, berapakah wang ringgit sudah dihabiskan untuk melihat kejayaan Alex itu, dia tidak mempunyai jawapan tepat.

"Banyak yang sudah dihabiskan tetapi sebagai ibu bapa yang yakin terhadap bakat anak mereka, kita patut memberi peluang kepada mereka untuk bersaing dalam bidang yang diminati. Alex menunjukkan bakat tinggi dalam sukan bermotor dan ski air. Apabila dia memilih sukan bermotor, saya sebagai bapa perlu sedia berkorban apa saja," kata Hanifah.

Menurutnya, berbeza dengan pemandu di luar negara yang berkesempatan menggilap bakat mereka di institut sukan, pemandu di Malaysia terpaksa mencari pengalaman sendiri.

"Apabila ibu bapa sendiri yang menjadi guru dan pembimbing, kita tidak boleh terlalu memaksa atau mendesak mereka untuk berjaya dalam sekelip mata. Sebaliknya, hubungan bapa dan anak itu juga boleh bertukar menjadi rakan karib supaya boleh dibawa berbincang.

"Dalam masa sama, kita juga berpeluang membina perwatakan yang diperlukan oleh anak-anak kerana sekiranya hubungan tidak dipupuk dengan baik, anak-anak mudah menjadi pemberontak dan ia boleh menghancurkan kerjaya yang dipilih mereka sendiri," kata Hanifah.

Bagi Fauzy Abdul Hamid pula, dia memilih sukan bermotor kerana bakat tinggi yang ditunjukkan anak-anaknya terutama Fairuz, 18, yang mencatat sejarah apabila menjadi pemandu Malaysia pertama berdiri di podium dalam saingan pusingan kelima F3 Britain di Litar Silverstone, kelmarin.

Fairuz yang mewakili pasukan Fortec, menduduki tempat ketiga dalam perlumbaan itu biarpun bermula dari petak kesembilan. Ia memberi kelegaan kerana Fairuz membuktikan dia dapat mengatasi kesan psikologi selepas terbabit dalam kemalangan di Litar Brand Hatchs, sebulan lalu.

"Hanya air mata kegembiraan saja yang mengubat segala penat lelah, kerisauan, kekecewaan dan wang ringgit saya selama ini. Rasa berbaloi segala pengorbanan yang dilakukan. Saya cuma berharap dia akan lebih berjaya dan menarik perhatian pasukan Formula Satu dunia.

"Kalau suatu masa dulu, mungkin ia hanya angan-angan tetapi kini Fairuz mempunyai peluang untuk berbuat demikian. Sebagai bapa, saya ingin melihat dia berjaya dan mengharumkan nama Malaysia," katanya.

Menurut Fauzy, dia membimbing minat Fairuz ketika pemandu itu masih berusia sembilan tahun, dengan menjadikan sukan go-kart sebagai landasan pertama. Kini, Fairuz menjadi pelatih buat pasukan Formula Satu Renault dan calon terbaik untuk menyertai Alex dalam F1 sedikit masa lagi.

"Saya sering kali mengingatkan Fairuz bahawa dia memikul tugas berat sebagai duta Malaysia dalam sukan permotoran. Jika dia berjaya, bermakna Malaysia juga mendapat nama. Setakat ini, saya nampak Fairuz memang serius mengejar cita-citanya," kata Fauzy yang juga Pengerusi Kumpulan Mofaz Motorsport Sdn Bhd.

Sementara itu, Mazlan Datuk Harun, bapa kepada pemandu rali negara Saladin mengakui, dia menghabiskan hampir RM3 juta untuk membimbing anaknya itu.

Kehadiran pasukan rali bertaraf dunia, Hyundai Accent yang memilih Saladin sebagai salah seorang pemandunya untuk menggunakan kereta dilengkapi teknologi rali firma antarabangsa, MSD itu adalah kejayaan awal.

"Apabila Hyundai memilih Saladin untuk menggunakan kereta mereka, bermakna Hyundai mengakui bakat yang ada padanya. Sebagai bapaperibadi saya cukup terharu kerana tidak ramai mendapat penghormatan seperti itu.

"Saya berharap dia yang bersaing dalam Kejuaraan Rali Asia Pasifik (APRC) tahun ini, menghasilkan keputusan memberangsangkan supaya orang luar turut menyebut nama Malaysia apabila bercakap mengenai sukan rali," katanya di majlis pelancaran pasukan itu di Kuala Lumpur, awal bulan lalu.

Menurut Mazlan, amat penting bagi ibu bapa memberi sokongan kewangan dan moral terhadap kerjaya pilihan anak-anak kerana dalam usia muda, kurang berpengalaman dan sering kali terpaksa bersendirian ke luar negara untuk bersaing dengan pemandu lebih handal, ia menjadi bekalan dan azimat kental buat mereka untuk mempamer bakat tanpa rasa takut atau rendah diri.

"Kalau dulu saya sendiri tidak kisah dengan minatnya, tetapi kini saya juga terpaksa mengambil tahu selok belok perlumbaan dunia rali supaya boleh diajak berbincang dan bersebang."

(END)